

KURSUS AURA THERAPY



Puan Maznah sedang tersenyum

Pengenalan Apakah Aura

Aura manusia adalah medan tenaga dan pantulan tenaga hayat dalam badan kita. Tenaga ini membentuk diri kita, siapakah diri kita dan sebaliknya aura itu akan menjadi lebih baik atau lebih teruk disebabkan oleh persekitaran kita dan cara hidup kita. Aura juga membalikkan kesan bergantung kepada kesihatan kita, perwatakan kita, aktiviti mental kita dan keadaan emosi kita. Aura juga boleh menunjukkan atau mengesan penyakit, selalunya lama sebelum simptom-simptom penyakit menunjukkan kesannya.

Aura pada manusia berperanan bagi menerangkan kekuatan gelombang elektrik yang di pancarkan dari pusat tenaga yang ada didalam tubuh manusia yang di namakan cakra, yang menyamai cahaya pelangi (sebenarnya tidak, kami merumuskan hanya pada cahaya utama sahaja). Lingkaran cahaya ini mengandungi medan tenaga magnet, bio energy dan lain lagi. Warna merupakan satu ukuran tenaga bagi sesuatu gelombang. Maknanya warna Aura merupakan satu ukuran tenaga dalam diri seseorang. Sekiranya ada kelemahan pada organ-organ tertentu ianya akan di pengaruhi oleh Aura ini. Kelemahan tersebut dapat di seimbangkan dengan memancarkan Aura kearah organ yang bersangkutan.

Aura berubah seiring dengan perjalanan emosi, fizikal, mental dan juga tahap kerohanian seseorang. Apabila kita merawat seseorang, pertama sekali kita perlu periksa bentuk Aura dahulu. Apabila Aura nya lengkung kebelakang dan kedepan, ini menandakan sistem Metabolisma tidak seimbang di bahagian tertentu, keseimbangan kimia tidak harmoni, penggunaan dadah dan lain lagi. Kalau ada warna hitam atau warna biru tua disekitar tubuh anda berarti anda mengalami suatu penyakit atau gangguan fizikal yang belum zahir untuk menjadi penyakit. Apabila warna gelap di sekitar kepala, mungkin anda sedang stress atau gangguan pada pikiran dan perasaan anda. Setiap gangguan fizikal selain harus di terapi secara medikal atau terapi Aura / gelombang. Selain itu anda juga perlu diterapi dengan bantuan terapi cahaya. Melalui kamera Kirlian kita boleh melihat paduan warna yang melingkar disekitar tubuh kita, namun kita juga dapat merasakan aura tersebut.

Berdekatan kepada kulit kita adalah **Aura etherik**. Aura itu berwarna pucat dan berjaluran sempit mengelilingi luar badan kita dan selalunya tidak lebih dari setengah inci lebarnya. Ia lebih menyerupai asap berwarna keruh memanjat mengelilingi badan kita.

Aura utama adalah melekat mengelilingi badan kita seperti awan. Bayangkan seorang manusia yang mana satu gelung cahaya yang tebal jatuh menimpa mereka dan kita akan dapat gambarnya yang mana begitulah rupa aura utama yang melingkari badan kita. Cahaya ini terpancar dari pusat fizik (cakra). Tenaga dasar ini keluar memancar secara menegak dari bumi tempat kita berpijak menerusi kaki kita dan seterusnya memasuki cakra-cakra yang terdapat dalam badan kita, seperti mana yang berlaku pada tumbuh-tumbuhan yang menerima air. Tiap-tiap **cakra tersebut adalah seperti sebuah transformer atau janakuasa biologi yang menjanakan tenaga dari berbagai jenis warna**. Kekuatan, aktiviti dan ton warna pada tiap-tiap cakra bergantung kepada perwatakan,

personaliti, keadaan emosi dan cara hidup seseorang itu. Bersama-sama dengan faktor tersebut mereka menjanakan keamatan aura.

Menyentuh Aura

Kami dapat membantu dan melatih anda untuk merasakan aura anda sendiri. Karena sifat aura adalah berdenyut dan selalu bergerak disekitar tubuh kita, maka sebab itulah kita dapat merasakan dan menyentuh aura tersebut. Bila kita tutup mata dan meletakkan kedua tangan di depan dada akan terasa ada semacam getaran yang menggerakkan tangan kita untuk mengelilingi tubuh kita mengikuti gelombang arus atau alur pergerakan aura tersebut, kita cukup mengikuti saja gerakan tersebut... wow it's very amazing. Tapi jangan lakukan di depan orang atau didepan orang awam nanti disangka orang gila...

Bertitik tolak dari sinilah kaedah Rawatan Aura / Gelombang di temui. Sesuatu yang menakutkan tentang rawatan ini ialah : Ia dapat merawat secara menyeluruh (holistik), merangkumi mental, fizikal dan kerohanian (pekerja yang berkaitan dengan alam ghaib).

Seseorang perlu faham iaitu semua hidupan adalah diperbuat daripada tenaga yang terkandung yang membentuk badan fizikal. Semua benda adalah bentuk tenaga dan auranya yang tersendiri. Dari wang kepada perasaan, adakah semua itu bukan tenaga ? Rawatan Aura / Gelombang bukan sahaja untuk menyembuhkan penyakit tetapi untuk mengikat silatur-rahim, kesenangan dalam perniagaan, merawat haiwan serta tumbuh-tumbuhan dan apa sahaja masalah yang memberi kesan negatif. Rawatan Aura / Gelombang bukan sekali-kali untuk menggantikan perubatan tradisional. Rawatan Aura / Gelombang berfungsi dengan baik sebagai tambahan kepada apa sahaja bentuk penyembuhan daripada perubatan tradisional kepada perubatan secara alternatif. Rawatan aura bukan sebagai pengganti perubatan tradisional.

Dalam rawatan ini kepentingan aura ini adalah kelebihanannya untuk mengubat penyakit. Bila Aura & Gelombang dipindahkan kepada pesakit, aura ini akan berkembang dan ini adalah kesan kepada proses penyembuhan yang mengambil bahagian. Dalam mana-mana penyembuhan berdasarkan tenaga, tanda pertama dimana penyembuhan sedang berlaku, adalah pengembangan aura. Adalah diketahui bahawa jika seseorang itu sakit, aura yang mengelilinginya adalah kecil, lemah dan samar tetapi jika dia sihat, auranya adalah besar, terang dan kuat. Saiz aura bagi manusia yang normal adalah berdiameter (ukur keliling) 3-5 inci. Saiz aura bagi pengamal kerohanian adalah berdiameter seluas 1-3 meter atau 10 kaki. Tiada tahap batasan bagi keluasan aura.

Dalam tahap pertama, peserta akan diajar berkenaan kebenaran tentang aura dan kewujudan cakra. Mereka akan diberi pembukaan cakra tahap pertama. Ini akan menguatkan mereka dengan tenaga Aura & Gelombang dan selepas itu peserta terus boleh merawat pesakit. Ia bukan sejauh mana anda menjalani latihan tetapi bagaimana anda diberi cetusan oleh Pakar Aura & Gelombang. Seperti lain-lain seni penyembuhan, semakin lama anda berlatih, semakin yakin anda pada diri anda sendiri.

Gagal Melihat Aura

Sebab utama kenapa kebanyakan manusia gagal untuk melihat aura adalah kerana bagaimana mereka menangani cara melihat aura. Aura manusia bukan satu cara latihan yang bagus bagi seseorang yang baru mencuba melihat aura. Ini adalah perkara yang selalu berlaku: Pelatih anda duduk di atas kerusi dan menunggu dalam jangka masa yang cukup lama sementara anda melihat aura mereka secara sepintas lalu. Tetapi aura mereka tidak kelihatan. Anda cuba untuk menenangkan diri dan cuba memahami cara melihat aura dalam jangka masa yang sama. Anda tiba-tiba berfikir bagaimana sekiranya mereka berfikir yang bukan-bukan tentang diri anda. Adakah mereka merasa bosan atau tidak sabar? Adakah mereka berfikir yang anda seorang yang bodoh atau seorang yang gagal atau kedua-duanya sekali? Tekanan ini yang disebabkan oleh keadaan sebegini menghalang tenaga yang tersimpan. Keadaan mental yang tenang perlu bagi melihat aura. Cuba bagi mendapatkan hasil dalam keadaan yang tertekan sebagai seorang yang mula-mula mencuba melihat aura adalah hampir kepada mustahil .

Kaedah 1

Untuk melihat Aura sebenarnya tidaklah begitu sukar. Berikut ini bagaimana caranya anda mampu melihat cahaya itu Mintalah rakan anda berdiri dengan jarak lebih kurang 50 cm di hadapan satu dinding atau latarbelakang yang berwarna putih. Mintalah rakan anda bertenang dan bernafas dalam – dalam. Supaya dapat melihat aura dengan baik , sekurang-kurangnya anda harus mengambil jarak kira-kira tiga meter dan cahaya tidak boleh terlalu terang atau terfokus langsung ke rakan anda. Cahaya alam merupakan cahaya yang paling baik. Cara terbaik melihat aura melihat di sekitar kawasan kepala dan bahu.(En. Hanafi Phone: 012-9642466 / 09-6266876 | E-Mail: aura_menjaro@yahoo.com.)anda akan melihat selubung putih kabur atau perak abu-abu mengelilingi tubuh itu . Kelihatannya hampir- hampir seperti ada lampu yang menerangi di sebalik rakan anda, yang diarahkan keatas. Kemudian mungkin sekali cahaya itu akan hilang. Ini merupakan fenomena biasa yang akan berlaku apabila seseorang yang kali pertama melihat selubung ini..... tadi akan muncul kembali. Anda harus berlatih mata anda untuk tidak kembali ke fokus biasa. Inilah bahagian yang paling sulit untuk di pelajari. Kurang jelas hubungi En. Hanafi Phone: 012-9642466 / 09-6266876 | E-Mail: aura_menjaro@yahoo.com

Nota: Warna aura pada dasarnya adalah seperti berikut; biru = aura kuning, merah = aura hijau, hijau = aura oren, kuning = aura biru pucat, oren = aura hijau pucat, ungu = aura emas pucat, indigo = aura emas, merah jambu = aura hijau muda. Warna aura tersebut akan berubah-ubah bergantung kepada keamatan dan ton cahaya tersebut.

Warna Aura dan Personaliti

Ramai pengamal rawatan aura telah membahagikan manusia berdasarkan pada warna pada aura mereka. Contohnya, warna aura yang biru bermaksud seorang manusia yang mempunyai kuasa kerohanian yang tinggi, boleh dipercayai, amanah dan lain-lain lagi. Aura yang berwarna oren atau jingga bermaksud seseorang itu manusia yang beremosi. Pendapat ini tidak tepat dari satu sudut dan agak boleh di percayai dalam satu sudut yang lain. Aura adalah terlalu kompleks dan sentiasa berubah-ubah, ia tidak boleh dengan mudah berdasarkan pada warna aura itu semata-mata.

Aura akan bertindakbalas kepada warna pakaian kita dan juga warna pada persekitaran di sekeliling kita, contohnya warna pada tembok atau dinding. Ini menerangkan kenapa seseorang itu terlalu memilih warna kesukaanya. Contohnya, jika kita menyukai warna merah jambu atau merah terang, ini menunjukkan kita mempunyai pusat jantung yang cukup aktif yang menolak banyak unsur-unsur berwarna hijau. Merah terang atau merah muda akan menolak apa sahaja unsur berwarna hijau yang menyeimbangkan aura tersebut.

Warna boleh menjadi membina ataupun boleh memusnahkan. Ia boleh merangsang, memperbaiki atau menarik perhatian. Ia boleh menjadi lelaki atau wanita. Ia boleh menjadi negatif atau positif. Warna aura juga menyediakan kunci kepada personaliti , mood, kematangan dan kesihatan individu tertentu. Ia juga pantulan/biasan kepada aspek rohani dan jasmani. Adalah satu tugas yang besar untuk kita mempraktikkan bagaimana untuk mentafsirkan warna-warna aura. Tiap-tiap warna tersebut mempunyai perwatakan tersendiri, tetapi perubahan warna aura akan mengubah perwatakan tersebut. Kedudukan warna, keamatan warna serta kedudukan warna pada medan aura perlu dipertimbangkan.

Merah adalah warna bagi tenaga.....En. Hanafi Phone: 012-9642466 / 09-6266876 | E-Mail: aura_menjaro@yahoo.com..

Oren Oren adalah satu warna yang melambangkan hangat, kreatif dan emosi.....En. Hanafi Phone: 012-9642466 / 09-6266876 | E-Mail: aura_menjaro@yahoo.com.

Kuning Kuning adalah satu daripada warna aura yang mula-mula dan paling mudah untuk dilihat. Warna kuning pucat yang mengelilingi garis rambut menunjukkan optimis. Kuning adalah warna aktiviti mental. Ia mempengaruhi peluang pembelajaran yang baru, kepintaran, cerdik dan intelek. Warna kuning adalah warna yang mempengaruhi kekuatan idea dan kebangkitan kebolehan

fizik.Semakin dalam dan gelap warna kuning itu akan mempengaruhi sifat yang agak kritikal dan bersifat dogma.

Hijau Hijau adalah satu warna yang melambangkan sensitif dan cita-cita yang tinggi. Ia mempengaruhi tumbesaran, simpati dan ketenangan. Ia berkaitan dengan individu yang boleh dipercayai, berdikari dan minda yang terbuka. Warna hijau muda menunjukkan kebolehan penyembuhan. Ia adalah warna kekuatan dan persahabatan.Makin gelap warna hijau mempengaruhi kepada kepongahan, cemburu dan ketidakpercayaan.

Biru Biru adalah warna yang mudah untuk dilihat dalam banyak-banyak warna aura. En. Hanafi Phone: 012-9642466 / 09-6266876 | E-Mail: aura_menjaro@yahoo.com.

Ungu Violet Violet adalah warna yang mewakili kehangatan. Ia adalah warna yang mempengaruhi hati dan minda , iaitu gabungan fizikal dan spiritual.Ia mempengaruhi semangat berdikari dan intuisi. Warna keungu-unguan yang semakin tebal menunjukkan kebolehan untuk menghadapi hubungan dengan secara praktikal. Warna yang pucat mempengaruhi kemanusiaan dan hubungan kerohanian. Warna ungu-kemerah-merahan menunjukkan keinginan dan cita-cita yang tinggi.Semakin keruh warna ungu tersebut maka ia menunjukkan kekuatan dalam menghadapi sesuatu. Ia juga menunjukkan imaginasi erotik yang tebal. Ia juga mempunyai kebolehan untuk menarik simpati dan juga seorang yang tidak dapat memahami orang lain.

Merah jambu Warna merah jambu adalah warna kasih-sayang dan warna kesucian. Ia mempengaruhi keceriaan dan semangat setiakawan. Bila melihat dalam aura, ia menunjukkan kesunyiaan, kasih-sayang dan kecantikan. Warna merah jambu menunjukkan seseorang itu tidak matang,terutama warna merah jambu yang agak keruh. Ia juga menunjukkan seorang yang amat amanah, juga seorang yang mempunyai rasa kasih-sayang dan juga seorang yang berwawasan.

Emas Warna emas adalah warna yang menunjukkan tenaga rohani yang cukup dinamik dan seorang yang mempunyai satu kekuatan. Warna emas yang keruh menunjukkan seseorang itu dalam proses membangkitkan inspirasi yang tinggi . Ia juga mempengaruhi proses kimia yang masih lagi aktif, bermakna individu tersebut masih cuba berusaha untuk menukar hidupnya kepada kehidupan yang lebih sempurna.

Putih Putih selalu dijumpai dalam warna aura. Putih mempunyai semua warna di dalamnya.Ia menunjukkanEn. Hanafi Phone: 012-9642466 / 09-6266876 | E-Mail: aura_menjaro@yahoo.com

Kelabu Kelabu adalah warna kemasukan. Ia menunjukkan pergerakan ke arah membongkar kebolehan yang terpendam. Warna kelabu yang hampir kepada warna perak menunjukkan kebangkitan tenaga kewanitaan. Ia juga tenaga dan kebolehan untuk iluminasi, intuisi dan daya imaginasi yang kreatif.Warna kelabu yang agak keruh menunjukkan ketidakseimbangan fizikal, istimewa kepada aura yang berdekatan pada bahagian badan. Ia juga menunjukkan keinginan untuk meninggalkan tiada satu kerja yang diberikan yang tidak akan diselesaikan. Seorang yang mempunyai aura yang berwarna kelabu adalah seorang yang suka berahsia dan seorang yang suka bersendirian.

Perang Perang selalunya muncul dalam medan aura. Walaupun kebanyakan orang mengatakan perang sebagai hasil daripada ketidak seimbangan atau kurangnya tenaga, ini adalah tidak benar. Perang adalah warna bumi. Bila ia muncul pada kawasan atas kepala, ia akan mempengaruhi pembesaran yang baru.Aura perang yang melintasi muka atau kepala menunjukkan keinginan untuk diskriminasi. Jika ia muncul di sekitar kawasan cakra, ia menunjukkan bahawa bahagian tersebut perlu dibersihkan. Warna perang susah untuk ditafsirkan, kerana ia senang mempegaruhi kawasan masaalah dalam fizikal.

Hitam Hitam adalah satu warna yang amat mengelirukan dalam spektrum aura. Ada sesetengah pihak mengatakan bahawa jika aura hitam hadir dalam diri seseorang, ia menunjukkan kematian atau jangkitan penyakit yang berat. Saya mendapatingya adalah tidak benar.Hitam adalah warna perlindungan. Ia adalah satu warna yang melindungi individu tertentu daripada tenaga luar. Bila melihat aura ini, menunjukkan individu tersebut melindungi dirinya sendiri. Ia juga menunjukkan yang individu tersebut seorang yang ada sesuatu rahsia.Tiada apa yang salah tentang itu. Warna hitam juga menunjukkan pemahaman mengenai bebanan dan pengorbanan akan terjadi akhirnya.Hitam juga menunjukkan ketidakseimbangan. Ketidakseimbangan fizikal ditentukan oleh

hitamnya aura sesuatu kawasan tersebut. Seorang yang mempunyai aura hitam adalah mangsa penderaan kanak-kanak dan juga seorang pendera yang lazimnya seorang penagih dadah, penagih alkohol, penghisap rokok dan sebagainya.

Perak berkelauan Ia selalunya amat berkelip-kelip dan berwarna perak. Ia menunjukkan seorang yang terlalu kreatif . Jika hadirnya aura berwarna sebegini, ia sebagai penunjuk yang menandakan individu tersebut , individu tersebut seorang yang terlalu kreatif .

Aura penyakit Penyakit : Kesan penyakit itu akan dapat dilihat menerusi aura seseorang yang sakit tersebut. Kesan pada aura akan dapat dilihat dalam beberapa cara. En. Hanafi Phone: 012-9642466 / 09-6266876 | E-Mail: aura_menjaro@yahoo.com

Aura menjelang kematian Kematian : Bila mana seseorang itu akan menghadapi saat-saat kematian, auranya akan berubah dengan agak drastik. Pertama sekali auranya akan luntur warnanya dan kemudian seminggu atau sebelum kematiannya auranya akan berkembang dan bertukar menjadi warna biru langit pucat bersama dengan percikan perak.....En. Hanafi Phone: 012-9642466 / 09-6266876 | E-Mail: aura_menjaro@yahoo.com

Aura percintaan Merah jambu merupakan seseorang itu sedang di lamun cinta, merah jambu yang terang menunjukkan individu tersebut mencintai seseorang.

Analisa wajah isteri En Kahar Puan Maznah sedang tersenyum.



Wanita ini adalah seorang mudah merajuk, mudah tersinggung. Mempunyai keinginan seks yang dingin. wanita ini kesepian mungkin suaminya selalu meninggalkannya sendirian. Sekiranya marah wanita ini susah hendak mengawal emosi. Tapi mudah di pujuk. Agak peramah tetapi suka menyendiri.

Amat setia pada pasangannya. Boleh dipercayai. Tingkatan kerohanian (pegangan agama) agak lemah. Kemahuan untuk berjaya agak tinggi. Keinginan untuk memiliki juga tinggi samada wang, atau kuasa. Ini merupakan satu contoh analisa bagi mana warna aura dapat kita analisa perwatakan seseorang. Bagi orang lelaki sebagai panduan untuk memilih bakal calon isteri begitulah sebaliknya.

Nama yang ada didalam paparan ini adalah rekaan semata-mata - mata tidak ada kaitan dengan individu tersebut samada hidup atau mati. Jika ada mungkin secara kebetulan dan tidak disengajakan.

Aura dapat dilemahkan dengan:

1. Pemakanan yang tidak baik
2. Kurang bersenam
3. Kurang mendapat udara bersih merokok.
4. Kurang rehat.
5. Tekanan atau stress
6. Dadah / alkohol
7. Tabiat yang kurang baik Kesedaran haiwani yang menguasai diri.

Kita semua pernah mengalami berasa pincang atau keletihan bila berdepan dengan seseorang. Anda mungkin telah bercakap dengan seseorang melalui telefon atau berdepan dengannya , dan bila anda sudah habis bercakap, anda merasa keletihan. Perut anda berasa amat sakit dan sebagainya. Apa yang anda alami adalah tenaga yang kehabisan.

Sesetengah individu menyerap tenaga daripada seseorang. Kebanyakan perkara ini berlaku kerana individu yang terlibat tidak menyedarinya. Dalam banyak kes, mereka menggunakan tenaga anda untuk menambah tenaga mereka dari mereka membina tenaga mereka sendiri. Apa yang mereka sedari adalah apabila mereka selesai bercakap dengan anda, mereka berasa lega. Mereka tiada hak untuk mengambil tenaga anda. Bagaimanapun, anda sepatutnya tidak membenarkannya.

Ini tidak bermakna yang anda patut menyalahkan mereka menjadi seperti puntianak atau mengatakan yang anda tidak mahu bercakap dengan mereka lagi kerana mereka telah menyedut tenaga anda. Jika anda berbuat demikian, mereka akan berfikir yang anda tidak mahu lagi berkawan dengan mereka . Dalam kes tersebut, masalah anda akan selesai kerana mereka tidak

mahu lagi berjumpa dengan anda. Kebanyakan manusia tidak dapat menerima tentang tenaga ini dan anda harus ingat bila berhadapan dengan mereka.

Adalah lebih mudah dengan hanya memperbaiki keadaan tanpa berkata sepatah pun tentang kejadian tersebut. Anda boleh mengawal samada seseorang itu berkonsi tenaga dengan anda atau tidak. Satu cara yang paling mudah adalah dengan menutup saluran tenaga anda. Terdapat arus tenaga yang mengalir dalam badan kita dan mengelilingi badan kita melalui medan aura. Kita boleh menutupnya supaya tenaga anda hanya melalui medan aura anda sahaja. Anda dapat mencegah tenaga anda dari diambil dan anda dapat mencegah aura anda dari memasuki orang lain.

Anda silangkan kaki anda pada buku lali dan rapatkan ibu jari dan jari anda supaya bersentuhan. Ini dapat menutup aliran tenaga anda. Tenaga anda tidak akan dapat keluar dari badan anda.

Bila anda berjumpa dengan rakan anda yang dapat menyerap tenaga anda, lakukan seperti kelakuan di atas. Rehatkan tangan di atas pada riba anda, sentuh jari anda dan silangkan buku lali anda. Ia adalah mudah dan tiada siapa yang menyakki anda. Anda juga boleh melakukan begini bila bercakap melalui telefon dengan mereka yang berkenaan.

Jika anda melakukan begini, anda akan mendapat kenyataan dari beberapa sahabat anda iaitu anda akan mendengar beberapa komen seperti, "Anda tidaklah peramah mana," "Anda tidaklah bersikap terbuka dimana anda tidaklah memarahi orang membabi-butakan. Anda masih boleh bercakap dengan mereka. Apa yang anda lakukan hanyalah tidak membenarkan mereka mengambil tenaga anda. Bila mereka tidak mendapat sesuatu yang tinggi dari kamu, mereka membuat kesimpulan yang sesuatu yang tidak kena telah berlaku.

Pernafasan Mengaktifkan Aura

Dalam yoga, pernafasan bulan dinamakan **Ida** dan pernafasan matahari dinamakan **Pinggala**. Keseimbangan kedua-dua ini dinamakan **Susumna**. Tenaga mempunyai dua kutub iaitu positif dan negatif, lelaki dan wanita, matahari dan bulan. Teknik bernafas ini dengan cepat memberi tenaga pada aura dan menseimbangkan kutub badan. Ia juga meningkatkan kemampuan kita untuk mengingat dan **mengasimilasikan** maklumat. Ia menyeimbangkan hemisfera otak. Ia boleh digunakan sebelum belajar untuk memendekkan masa belajar. Ia juga boleh digunakan untuk membangkitkan kita Pada dasarnya teknik ini terbahagi kepada cara pernafasan, bernafas masuk melalui satu lubang dan menghembusnya keluar pada satu lubang hidung yang lain. Tumpukan pada hujung hidung. Caranya dengan memegang hidung dengan ibu jari dan jari.

1. Mulakan dengan ibu jari kanan dan jari atas hidung dan hembuskan nafas. Tempatkan lidah anda pada langit pada belakang gigi hadapan.

2. Gunakan ibu jari dan tutupkan lubang hidung sebelah kanan. Kemudian sedut nafas melalui lubang hidung sebelah kiri dengan mengira satu sampai empat.

3. Dengan menutup lubang hidung sebelah kanan, kepitkan jari anda pada lubang hidung sebelah kiri. Tahan nafas dan bilang 1 sehingga 16. (sekiranya anda tidak pernah melakukan mana-mana latihan pernafasan, kiraan 16 adalah terlalu lama buat anda. Dalam kes ini kurangkan kiraan ataupun kira dengan cepat. Dengan latihan yang tekun, anda akan dapat meningkatkan kemampuan untuk menahan nafas dalam jangkamasa yang cukup lama.)

4. Lepaskan ibu jari anda, buka lubang hidung sebelah kanan. Tutup lubang hidung sebelah kiri. Hembuskan nafas perlahan-lahan melalui lubang hidung sebelah kanan dengan kiraan lapan.

5. Lepaskan hidung, naikkan tangan kiri dan dengan ibu jari, tutupkan lubang hidung sebelah kiri.

Hirup nafas melalui lubang hidung sebelah kanan dengan kiraan 4 dan kemudian kepitkan jari anda untuk menutup lubang hidung sebelah kanan. Tahan nafasdengan kiraan 16.

6. Lepaskan ibu jari dan lubang hidung sebelah kiri. Terus kepitkan lubang hidung sebelah kanan. Hembuskan pada kiraan 8 dengan perlahan-lahan melalui lubang hidung sebelah kiri.

7. Ulang dengan 4 atau 5 pernafasan. Bernafas dengan satu lubang hidung, tahan dan hembus keluar pada lubang hidung yang sebelah lagi. Tukar pula pernafasan melalui lubang hidung yang berlainan. Ini dapat melegakan badan kita dan melegakan aura kita dengan mendapat tenaga yang cepat. Walau pun ini merupakan pernafasan asas. Kaedah ini juga dapat membangkit aura yang terpendam. Kurang jelas hubungi En. Hanafi Phone: 012-9642466 / 09-6266876 | E-Mail:

aura_menjaro@yahoo.com

Membersihkan Medan Aura

Latihan ini adalah untuk membersihkan medan aura. Latihan ini sesuai untuk diamalkan pada penghujung hari, terutamanya selepas waktu anda telah menjumpai ramai orang. Ia menolong membersihkan serpihan tenaga, menghalang daripada ia menghasilkan satu ketidakseimbangan. Ia cuma mengambil masa lebih kurang 5 minit untuk menjadi berkesan.

1. Duduk dan amalkan posisi rehat. Jalankan teknik pernafasan. Anda juga boleh gunakan doa atau zikir. Ingatlah bahawa latihan ini adalah sebagai garis panduan dan anda seharusnya anda boleh mempelajarinya untuk menyesuaikannya dengan tenaga anda.
2. Kira-kira 20 kaki di atas anda, dalam fikiran anda, saksikan satu putaran api putih kristal mula membentuk. Ia kelihatan kecil, jadi bayangkan yang ia membesar untuk memasuki medan aura anda. Hujung api yang runcing itu perlu mampu untuk memasuki mahkota kepala anda dan terus memasuki tengah badan anda (Nadi Tengah).
3. Putaran api rohani ini sepatutnya berputar dan memusing arah jam. Bila putaran api itu menyentuh aura anda, lihatlah bagaimana ia menyedut dan membakar semua tenaga yang tersisa yang kita telah gunakan.
4. Lihat, rasa dan bayangkan putaran api itu masuk ke dalam aura dan badan anda. Anda perlu yakin yang ia menyapu semua medan tenaga anda.
5. Apabila ia bergerak dalam badan anda, benarkan tenaga itu keluar melalui kaki anda dan terus masuk ke dalam bumi. Lihat bagaimana tenaga ini digunakan bagi menyuburkan tanaman dan memberi faedah kepada hidupan dalam bumi. Kurang jelas hubungi En. Hanafi Phone: 012-9642466 / 09-6266876 | E-Mail: aura_menjaro@yahoo.com

Pembukaan Cakra

Pembukaan Cakra merupakan proses terpenting dalam mempelajari Rawatan Aura dan Gelombang, kerana melalui pembukaan cakra inilah kemampuan Aura dan Gelombang diperoleh. Pembukaan cakra dapat juga di-ilustrasikan sebagai proses tuning pada sebuah radio! Jika kita menekan butang "on" sebuah radio, maka pada umumnya kali pertama radio tersebut tidak dapat berfungsi, padahal di udara sangat banyak frekwensi yang dipancarkan oleh pemancar-pemancar radio. Hal ini disebabkan frekwensi dari radio tersebut sebagai penerima belum di-tune. Jika kita selaraskan tombol tuning dengan tepat, maka kita dapat memperoleh siaran yang kita inginkan. Pembukaan cakra dapat diartikan secara mudah sebagai suatu proses penyelarasan, dimana melalui suatu ritual tertentu, seorang Master dalam rawatan Aura / Gelombang ini akan menyelaraskan lintasan getaran gelombang tenaga internal seseorang.

Jika kita kembali ke ilustrasi mengenai radio, maka selanjutnya jika kita telah melakukan "tuning" dengan baik, maka seharusnya siaran yang kita harapkan akan segera terdengar? Ya! Siaran dari pemancar akan terdengar dengan baik, jika radio tersebut memiliki kabel-kabel dan speaker yang baik. Jika speaker-nya sudah pecah, atau kabelnya tidak tersambung dengan baik, maka suara yang terdengarpun tidak akan baik!

Demikian juga dengan proses Attunement. Walaupun seseorang telah diberikan Attunement, dan ia telah dapat menyerap energi dengan baik, akan tetapi kualiti penyalurannya belum tentu baik, tergantung dari kualiti jalur-jalur eterik yang dimilikinya, tergantung dari kuliti chakra telapak tangannya, dll.

Meditasi Zikir

Meditasi boleh digunakan untuk berbagai tujuan, iaitu antara lain untuk dapat membangkitkan tenaga dalam atau untuk mengaktifkan fikiran bawah sedar. Sebab, bila fikiran bawah sedar ini berhasil diaktifkan, maka gejala-gejala paranormal dapat terjadi. Meditasi adalah diam, dan diam adalah segala-galanya. Dengan diam, seluruh kekuatan, hati dan fikiran menajdi satu, serta kewaspadaan terhadap keadaan sekeling menjadi meningkat. Gerak nafas, nafsu, fikiran dan batin akan mengendap, menyentuh alam bawah sedar. Sebaiknya meditasi ini dilakukan dimalam hari ditempat yang aman dan sunyi. Cara melakukan meditasi (secara umum) adalah seperti berikut: Duduk bersila secara relaks (tidak kaku) dan kedua tangan diletakkan di atas lutut. Tutuplah mata perlahan-lahan dan berbasalah secara wajar. Ingat seluruh otot-otot tubuh haru dikendurkan,

tidak ada yang tegang. Didalam hati (jantung) zikir “ALLAH”, setiap detik jantung menyebut asma Allah didalam hati. Nikmatilah ketenangan ini, sampai anda menganggap pekerjaan ini selesai. Secara amnya, Penyembuhan Aura & Gelombang adalah rawatan menggunakan tangan di mana perawat diminta untuk meletakkan tangannya pada tempat dan cakra yang terjejas. Ada beberapa posisi tangan yang tertentu.

Ketika meletakkan tangan pada kawasan tersebut, perawat perlu peka kepada aliran tenaga Aura & Gelombang kepada pesakit. Dia sepatutnya boleh merasai getaran gelombang yang bergerak keluar dari kedua-dua tapak tangannya. Perawat boleh bertanya kepada pesakit tentang apa yang dia rasa. Jika perawat dan pesakit tidak peka, perawat hanya boleh mengharap kepada firasatnya dan penglihatan ghaib semata-mata.

Tiada pencemaran berlaku kepada perawat dan pesakit tetapi adalah dinasihatkan supaya perawat untuk membasuh tangannya selepas tiap-tiap rawatan. Ini adalah langkah berjaga-jaga. Perawat patut memulakan rawatan dari kepala dahulu dan turun ke bawah kepada kaki. Ada banyak cakra pada tubuh dan jika perawat berkeinginan, dia boleh meletakkan tangannya pada cakra-cakra tersebut untuk memastikan satu rawatan yang sempurna. Cakra-cakra tersebut telah diterangkan pada bab yang lalu.

Satu cara sesuai adalah pemancaran tenaga menggunakan tangan. Biarpun tiada kesan gelombang pada pesakit dan perawat, proses penyembuhan masih berlaku. Di bawah beberapa keadaan, perawat biasanya akan menentukan saiz aura dan cahaya kesihatan dan apabila proses pemancaran berlaku, perawat akan menentukan peningkatan aura. Ini adalah cara terbaik mendapat keputusan menggunakan cara pemancaran.

Berapa lama masa diambil untuk mempelajari Rawatan Aura / Gelombang? Tidak seperti kebanyakan seni penyembuhan yang mengambil masa yang cukup lama untuk dipelajari, Rawatan Aura / Gelombang boleh diajar dalam masa beberapa jam sahaja dan pelajarnya terus dapat membuat rawatan. **Rawatan Aura & Gelombang untuk diri sendiri**. Semua perawat Aura & Gelombang sepatutnya mempraktikkan rawatan pada diri mereka setiap hari. Ini untuk membudayakan diri mereka pada tenaga Aura & Gelombang. Ini juga untuk membuang segala halangan dalam diri mereka.

Penyembuhan Aura

Penyembuhan Aura dan gelombang adalah sains kuno dan seni penyembuhan yang menggunakan **Aura dan gelombang** atau *ki* atau *tenaga hayat* untuk menyembuhkan keseluruhan badan fizikal. Ia juga melibatkan pemanipulasian ki and bahan bioplasmic adari badan pesakit. Ia juga dipanggil *medical qigong* (ki kung or ki healing), *psychic healing*, *vatalic healing*, *therapeutic touch*, *laying on of hands*, *magnetic healing*, *faith healing* dan *charismatic healing*. Seseorang tidak perlu menghabiskan masa selama 10 atau 20 tahun hanya untuk mempelajari bagaimana untuk mempamerkan penyembuhan tenaga. Begitu juga seseorang itu tidak perlu untuk memiliki apa-apa kuasa penyembuhan semulajadi yang istimewa untuk menyembuhkan. Apa yang diperlukan adalah kesungguhan untuk menyembuhkan dan hanya mengikuti beberapa arahan yang mudah.

Penyembuhan Aura dan gelombang adalah sistem penyembuhan semulajadi yang tidak menggunakan sentuhan yang digunakan untuk membersihkan dan menjanakan tenaga badan manusia. Perawat menggunakan tangannya untuk membersihkan tenaga yang telah digunakan dan kemudiannya menjanakan pusat tenaga pesakit. Kebersihan tenaga yang baik adalah komponen yang penting dalam sistem penyembuhan ini, memandangkan ia mengawal dan memberi satu persekitaran yang bersih dan sihat serta badan yang sihat untuk perawat. Jadi, tenaga yang telah digunakan akan dibuang dengan sebaik-baiknya, menjadikannya menjana dengan lebih baik.

Selepas membersihkan pusat tenaga pesakit, perawat Aura dan gelombang akan gunakan tenaganya sendiri untuk menerima dan mengarahkan Aura dan gelombang yang segar kepada pesakitnya. Perawat juga perlu memilih untuk menggunakan jenis Aura dan gelombang yang berlainan untuk langkah-langkah yang berlainan dalam proses penyembuhan. Kurang jelas hubungi En. Hanafi Phone: 012-9642466 / 09-6266876 | E-Mail: aura_menjaro@yahoo.com

Apa boleh penyembuhan Aura dan gelombang lakukan?

Di sini ada beberapa contoh:

Ia boleh menolong ibubapa menurunkan suhu badan anak-anak mereka yang mengalami demam panas dalam beberapa jam sahaja dan menyembuhkan mereka mereka dalam sehari atau dua hari dalam kebanyakan kes.

Ia dapat melegakan pening kepala, sakit kembung perut, sakit gigi dan sakit otot selalunya sertamerta dalam kebanyakan kes. Sakit yang agak teruk seperti sakit mata, sakit di bahagian hati, sakit buah pinggang dan masalah jantung boleh dilegakan dalam beberapa sesi dan disembuhkan dalam beberapa bulan dalam kebanyakan kes.

Ia meningkatkan kadar penyembuhan dalam tiga kali ganda atau lebih daripada biasa daripada penyembuhan cara biasa.

Kebolehan serta tahap tenaga seseorang perawat itu juga adalah penting . Seseorang yang baru sahaja menjadi perawat tidak akan mendapat keputusan yang sama seperti perawat yang bertauliah. Dia patut sekurang-kurangnya berusaha dengan lebih kuat lagi untuk mencapai keputusan yang sama. Tahap tenaga perawat adalah penting kerana tenaga perawat mesti melalui saluran tenaga. Sekiranya saluran tenaga adalah sempit, maka tenaga perawat akan terhalang dari disalurkan kepada pesakit. Oleh itu adalah disarankan supaya perawat mengambil kelas bagi meningkatkan tahap tenaga masing-masing. Meditasi yang selalu diamalkan juga membantu dalam meningkatkan tahap tenaga perawat.....